

TARIKH : 15/7/2022

SURAT KHABAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

Isu teknikal pengambilan pekerja Bangladesh selesai

PUTRAJAYA - Proses pengambilan pekerja warga Bangladesh telah bermula setelah isu-isu teknikal yang dihadapi sebelum ini ditangani, kata Kementerian Sumber Manusia (KSM).

KSM dalam satu kenyataan berkata, proses pengesahan melibatkan 15 syarikat dan lebih 2,000 pekerja warga Bangladesh telah diselesaikan oleh Suruhanjaya Tinggi Bangladesh di Kuala Lumpur dan proses itu dijangka meningkat pada minggu-minggu akan datang.

"Ini menunjukkan bahawa isu-isu teknikal yang dihadapi sebelum ini bagi proses pengambilan pekerja warga Bangladesh ke negara ini telah dapat ditangani," kata KSM berhubung status kemasukan pekerja warga Bangladesh ke Malaysia.

KSM berkata, majikan yang telah membayar levi dan bercadang untuk mengajikan pekerja warga Bangladesh boleh me-

manjangkan permohonan pengesahan penggajian dan dokumentasi seperti Kontrak Pekerjaan serta Pesanan Kerja bagi pekerja ke Suruhanjaya Tinggi Bangladesh di Kuala Lumpur.

"Bagaimanapun kemasukan pekerja warga Bangladesh ini tertakluk kepada saringan keselamatan dan kesihatan termasuk pematuhan syarat-syarat Jabatan Imigresen," jelasnya.

Pada 19 Disember lalu, Malaysia dan Bangladesh memeterai memorandum persefahaman (MoU) berhubung pengambilan pekerja negara itu untuk berkhidmat di negara ini berkuat kuasa selama lima tahun sehingga Disember 2026.

MoU itu ditandatangani Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan dan Menteri Kebajikan Ekspatriat dan Pekerjaan Luar Negara Bangladesh, Imran Ahmed di Kuala Lumpur. - *Bernama*

Sinar Harian: Nasional MS6 15/7/22